

Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan

Muhammad Faheem Mohd Dahlan dan Muhammad Idris Bullare @ Bahari

Universiti Malaysia Sabah

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v1i1.6753>

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka *main concern* dalam kalangan gelandangan yang tinggal di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Seramai tujuh orang gelandangan yang berumur antara 33 tahun hingga 64 tahun dipilih menjadi peserta kajian. Pengkaji menggunakan teknik temu bual bagi mendapatkan data secara kualitatif. Protokol telah dibina berdasarkan isu yang telah dihadapi oleh golongan gelandangan. Tempoh masa pelaksanaan temu bual antara satu jam hingga dua jam. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Kajian mendapati *main concern* gelandangan adalah kesejahteraan. Terdapat tiga aspek kesejahteraan, iaitu kualiti hidup, emosi dan kebahagiaan. Selain itu, kajian mendapati terdapat tiga faktor yang mempunyai kaitan dengan kesejahteraan gelandangan, iaitu kesihatan fizikal, tekanan hidup dan penerimaan. Sementara itu tiga cabaran yang dihadapi oleh golongan gelandangan ini, iaitu pergantungan, hilang hala tuju dan tempat perlindungan. Akhir sekali, dapatan menunjukkan terdapat empat bentuk sumber sokongan sosial yang diterima oleh golongan gelandangan ini iaitu daripada pihak badan bukan kerajaan, kerajaan, individu dan rakan. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran awal mengenai isu kesejahteraan dalam kalangan gelandangan. Implikasi dan cadangan kajian turut dibincangkan.

Kata kunci: kesejahteraan, gelandangan

Kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang akan memberikan nilai kepada manusia mengenai bagaimana kehidupan mereka dapat berkembang sama ada positif atau sebaliknya (Azizah, Mohd Shaladdin, & Wan Abdul Aziz, 2013). Kesejahteraan seseorang individu kebanyakannya bergantung kepada kesejahteraan psikologi yang dialaminya. Kebahagiaan merupakan sesuatu yang bersifat subjektif. Menurut Renwick (2006), kesejahteraan hidup adalah suatu perkara yang akan menyebabkan seseorang itu berasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna. Mengikut *World Health Organization* (WHO) (2012), kesejahteraan hidup kebiasaannya dinilai daripada sudut psikologi yang meliputi aspek kognitif dan afektif. Kedua-dua aspek tersebut merujuk kepada perasaan positif dan negatif tentang kehidupan yang dialaminya selama ini dengan memfokuskan kepada kepuasan dalam kehidupan antaranya ialah kualiti hidup, kepuasan emosi dan kebahagiaan yang ingin dikecapi.

Kesejahteraan hidup juga merujuk kepada kesejahteraan yang diperoleh daripada pelbagai aspek yang lain seperti sokongan sosial, hubungan kekeluargaan dan psikologi (Asmawati, Asmah, & Zaini, 2009). Ryff dan Keyes (1989) menerangkan kesejahteraan hidup dengan melihat kepada elemen-elemen utama sebagai pengukuran kepada kesejahteraan hidup, iaitu autonomi, pengawalan persekitaran, perkembangan sendiri, hubungan positif dengan orang lain, matlamat kehidupan dan penerimaan sendiri. Elemen-elemen tersebut adalah menjadi ukuran sebenar kepada individu untuk membantu ke arah kesejahteraan dalam kehidupan. Melalui kajian ini, kesejahteraan boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti kesihatan fizikal, kualiti hidup, emosi, kebahagiaan dan intimasi yang baik dengan masyarakat (sosial).

Istilah gelandangan merujuk kepada seseorang individu yang tiada pekerjaan mahupun tempat tinggal yang tetap (Kamus Dewan, 2010). Di Malaysia tidak mempunyai definisi yang rasmi berkaitan dengan gelandangan, tetapi gelandangan dikawal selia oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan meletakkan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977. Akta Orang-Orang Papa (1977) (Akta 183) menyatakan bahawa semua orang yang berpelesenan, mengemis dan berada di tempat-tempat awam yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna dan tiada pendapatan yang memuaskan dalam kehidupan. Selain itu, gelandangan juga dirujuk sebagai orang yang hidup dalam keadaan yang tidak sesuai dengan norma-norma kehidupan masyarakat serta tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap di wilayah tertentu dan juga hidup secara nomad di tempat umum (Sharifah Mariam, & Alifatul Kamilah, 2012). Rossi (1989) telah membangunkan satu konsep berkaitan gelandangan iaitu pada awal kemunculan golongan ini, adalah disebabkan mereka tidak mempunyai sebarang akses yang sempurna terhadap tempat tinggal dan menjadikan kawasan awam sebagai tempat perlindungan.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong berlakunya masalah gelandangan. Menurut Mohd Suhaimi, Abdul Manan, Iskandar, Wee Yen Hong, dan Mahmood (2012), selain daripada masalah pekerjaan, faktor berpendapatan rendah sehingga tidak mampu untuk memiliki atau menyewa rumah, warga emas yang tiada waris, penagih dadah, pesakit mental dan mereka yang lari dari rumah sama ada disebabkan masalah rumah tangga, keluarga atau pengaruh sosial lain yang turut melibatkan golongan kanak-kanak. Masalah gelandangan juga berlaku adalah disebabkan oleh masalah kekurangan rumah mampu milik yang sepatutnya disediakan oleh pihak kerajaan (Amato &


Macdonald, 2011; Dail, 2000; Junaidi, Husna, Helmi, & Harris, 2012) dan peranan sosial (Gosme, 2013).

Di samping itu, kajian di Malaysia lebih kepada kesihatan mental golongan gelandangan (Mohd Suhaimi, Khaidzir, Nasrudin, & Nik Hairi, 2016), penglibatan badan sukarelawan (Ann Santos, 2014) dan gelandangan dalam isu perubatan (Nurul Mahfuzah et al., 2016). Individu yang bergelandangan sering dikaitkan dengan cabaran kehidupan (Forchuk, 2011) dan penderaan dan pengabaian (Glasser, 1994). Kajian seperti ini penting dijalankan terutamanya dalam kalangan gelandangan yang

berkait rapat dengan kesejahteraan hidup untuk mengetahui kualiti hidup, kesejahteraan emosi dan kebahagiaan yang ingin dikecapi oleh mereka.

Dengan mengambil kira isu-isu yang timbul tersebut, kajian ini bertujuan untuk melihat kualiti hidup, kesejahteraan emosi dan kebahagiaan golongan gelandangan dengan meneroka faktor penyebab berlakunya gelandangan, cabaran yang dihadapi oleh mereka seterusnya bagaimana golongan gelandangan berdaya tindak bagi memperoleh kesejahteraan .

Kerangka Kajian



Rajah 1. Kerangka kajian yang menunjukkan kesejahteraan, faktor, cabaran dan daya tindak gelandangan di Bandaraya Kuala Lumpur.

Metode

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Pendekatan kajian kualitatif merupakan kajian empirikal yang menggunakan naratif daripada temu bual sebagai sumber utama data dan akan membolehkan pengkaji untuk meneroka secara menyeluruh domain dengan luas dalam kehidupan sebenar. Pendekatan kajian kualitatif juga mampu untuk mendedahkan sesuatu kajian dengan menyeluruh supaya semua maklumat yang diperoleh secara menyeluruh. Situasi ini membolehkan pengkaji melihat dan memahami dari sudut pandangan peserta kajian mengenai kehidupan sebagai gelandangan yang dilalui oleh mereka. Penggunaan kaedah ini adalah bersesuaian dengan isu yang dibangkitkan oleh pengkaji iaitu kesejahteraan golongan gelandangan. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu reka bentuk kajian kes (Yin, 2009) dan data diperoleh dan dikumpulkan melalui teknik temu bual.

Yin (2009) menyatakan bahawa kajian kes digunakan untuk meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang subjek yang dikaji yang berkaitan dengan strategi penyelidikan yang berfokus kepada persoalan 'bagaimana' dan 'siapa'. Hal ini adalah bermakna kajian kes membolehkan penyelidikan yang menyeluruh atau holistik dapat mengetahui akan ciri-ciri dalam sesuatu peristiwa atau kehidupan sebenar. Tumpuan utama kajian ini adalah kesejahteraan (*well-being*) dengan mengambil kira aspek fizikal dan psikologi sebagai sub unit yang berkaitan dengan kesejahteraan dalam kalangan golongan gelandangan. Kesejahteraan gelandangan dengan memfokuskan kesejahteraan fizikal dan psikologi adalah unit yang dianalisis dan tumpuan utama kes adalah sumber kesejahteraan mereka.

Peserta

Pengkaji telah memilih seramai tujuh orang peserta kajian dan pemilihan peserta dilakukan secara rawak oleh pengkaji dalam kelompok golongan gelandangan tersebut bagi mewakili kumpulan mereka. Lokasi kajian adalah di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, iaitu di Dataran Masjid Negara, Dataran Maybank, Maju Junction dan Chow Kit.

Prosedur

Sebelum memulakan pengumpulan data melalui temu bual, pengkaji telah memohon kebenaran dan persetujuan daripada setiap peserta untuk terlibat dalam sesi temu bual berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji telah memberi penerangan secara ringkas kepada peserta berkaitan dengan tujuan kajian dijalankan. Penyelidik juga telah memaklumkan bahawa kerahsiaan identiti peserta adalah dijamin. Selain itu, protokol temu bual telah dibina sebagai panduan kepada pengkaji untuk mendapatkan

maklumat secara keseluruhan berkaitan dengan isu yang dikaji.

Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, penyelidik hanya menggunakan satu teknik sahaja dalam pengumpulan data, iaitu temu bual. Data yang dikumpul adalah melalui temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) dengan semua peserta kajian dan terutamanya memberi penekanan dan tumpuan kepada kisah hidup dan peristiwa yang dialami oleh peserta. Masa yang diambil untuk satu sesi temu bual dengan peserta kajian adalah selama satu jam hingga dua jam. Sesi temu bual yang dijalankan menggunakan alat perakam suara untuk membantu dalam proses transkripsi.

Analisis Data

Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik merupakan kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak (tema) dalam data yang diperoleh. Melalui analisis ini, penyelidik dapat membuat penerangan dengan cara yang lebih terperinci. Analisis tematik ini merupakan pendekatan yang fleksibel dan mempunyai banyak kelebihan dalam menganalisis data kualitatif terutamanya dalam bidang psikologi. Data yang diperoleh dan dianalisis dengan menggunakan kaedah yang disarankan oleh Schilling (2006). Analisis yang dilakukan adalah bermula dengan transkripsi sehingga pembentukan tema.

Braun dan Clarke (2006) menyatakan bahawa pembentukan tema merupakan elemen penting dalam pengumpulan data yang mempunyai perkaitan dengan persoalan kajian dan menerangkan makna keseluruhan data yang diperoleh. Pada peringkat para frasa, analisis yang disediakan adalah lebih jelas dan teratur untuk tujuan analisis selanjutnya seperti mengkategorikan dan membentuk tema. Jadual tema yang dibina adalah untuk meringkaskan sumber kesejahteraan dalam kalangan gelandangan.

Keputusan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga tema utama yang mencerminkan kesejahteraan golongan gelandangan yang telah dikenal pasti, iaitu kualiti hidup, kesejahteraan emosi dan kebahagiaan. Penghuraian dan penjelasan yang lebih terperinci berkaitan tema utama kesejahteraan tersebut akan diterangkan. Bahagian ini juga menerangkan identiti peserta kajian seramai tujuh orang.

Peserta 1 dalam kajian ini bernama Pak Cik Leman merupakan seorang lelaki yang berusia 64 tahun dan tidak berkahwin. Tempoh Pak Cik Leman menjadi seorang gelandangan adalah selama 23 tahun selepas dibebaskan daripada penjara akibat pertuduhan memiliki bahan terlarang (dadah). Manakala, peserta 2 bernama Fatimah dan lebih mesra dipanggil Mak Cik Fatimah. Beliau

berbangsa India (mualaf) yang berumur 60 tahun dan bergelandangan selama 14 tahun di Kuala Lumpur selepas dibuang oleh adik-beradiknya dari rumah.

Peserta 3 bernama Pak Cik Adam (bukan nama sebenar) yang berumur 57 tahun. Berstatus duda kerana bercerai dengan isterinya dan mempunyai tiga orang anak semasa bersama isterinya. Sehingga Januari 2017, lebih kurang 13 tahun menjadi gelandangan. Diabaikan oleh anak-anaknya dan tiada tempat perlindungan merupakan sebab beliau mengambil keputusan untuk bergelandangan. Seterusnya peserta 4 merupakan seorang lelaki berumur 45 tahun. Rizal (bukan nama sebenar) yang masih berstatus bujang dan bekerja sebagai buruh kontrak di kawasan pembinaan. Pengabaian oleh ibu bapa yang dalam keadaan bercerai merupakan punca dan tiada tempat berlindung merupakan punca Rizal bergelandangan dan menjalani kehidupan yang mencabar.

Pak Cik Din (bukan nama sebenar) dan Mak Non (nama panggilan) merupakan peserta 5 dan 6. Pak Cik Din dan Mak Non merupakan suami isteri yang menjalani kehidupan sebagai gelandangan. Mempunyai dua orang anak dan anak mereka turut serta bergelandangan di sekitar kawasan Kuala Lumpur. Kos sara hidup yang tinggi dan ketidakmampuan mereka untuk menanggung kos telah menyebabkan mereka bergelandangan. Peserta terakhir bernama Andi (bukan nama sebenar) berumur 33 tahun. Andi menjalani kehidupan di Kuala Lumpur secara solo dan berstatus bujang. Bekerja sebagai pelayan restoran untuk menampung kehidupan sehariannya.

Kualiti Hidup

Kualiti hidup atau *Quality of Life (QoL)* merupakan jangka waktu deskriptif yang merujuk kepada emosi manusia, sosial dan fizikal yang sihat dan keupayaan mereka untuk berfungsi dengan tugas biasa dalam kehidupan (Leplege & Hunt, 1997). Perkara yang lebih penting apabila membincangkan berkaitan dengan kualiti hidup seseorang terutamanya golongan gelandangan. Kualiti hidup kebanyakan mereka yang bergelandangan adalah lebih kepada keselesaan dan ketenangan. Faktor yang dihadapi, cabaran yang dihadapi dan sokongan sosial yang diterima oleh mereka sepanjang menjadi gelandangan di Kuala Lumpur.

Keselesaan. Manusia yang menjalani kehidupannya adalah untuk mencari satu ketetapan dan keselesaan dalam hidup. Itu merupakan lumrah kepada manusia untuk berada dalam keadaan selamat, sihat dan tiada sifat kesengsaraan. Peserta kajian mengatakan bahawa walaupun mereka mempunyai rumah tapi keadaan rumah tersebut tidak selamat untuk didiami. Contohnya, rumah yang dibina atas konsep rumah yang hanya membolehkan untuk berteduh dan dalam keadaan rendah aspek keselamatan. Dapatan ini seperti diceritakan sendiri oleh Mak Non:

...hari-hari hidup begini sapa yang selesa... semua tak selesa begini... walaupun ada rumah tapi macam reban ayam. Mak Non bimbang sekarang... rumah tu atas tanah rizab kerajaan... bila-bila saja kena roboh... kalau roboh tak ada dah rumah...

Keadaan rumah yang dibina atas tanah rizab kerajaan dan menunggu masa untuk dirobohkan oleh pihak berkuasa tempatan akan menyebabkan mereka hilang hala tuju untuk meneruskan kehidupan. Merujuk kepada kehidupan dan keselesaan tekanan aspek kesihatan, iaitu mempunyai tubuh badan yang sihat dan kudrat yang kuat. Kes daripada peserta kajian mendapati bahawa mereka yang bergelandangan ini mempunyai masalah dalam kesihatan. Contohnya, masalah kesihatan yang kebanyakan dihadapi oleh mereka adalah kencing manis, darah tinggi dan masalah fizikal yang lain.

... tiga serangkai saya ada... kencing manis saya teruk... kaki kena potong sebab kencing manis... tak jaga makan... minum hari-hari teh tarik susu... tapi ada ubat... (Makcik Fatimah)

... Mak Non ada darah tinggi ni baru je lagi... sebab duduk macam ni, tidur hari-hari tak cukup... penat... sampaikan Mak Non kena migraine sekarang nie... (Mak Non)

...pak cik OKU... kaki pendek sebelah... kaki belah kanan tapi boleh jalan...(Pakcik Adam)

Peserta yang selain menghadapi masalah kesihatan fizikal ini seperti peserta 2, 3 dan 5, mengalami masalah kesengsaraan dalam kehidupannya kerana menghadapi masalah dibuang oleh keluarga. Hal ini menyebabkan terdapat peserta mengalami masalah hilang hala tuju dan tidak mengetahui untuk berbuat apa.

Ketenangan. Setiap individu yang melangsungkan kehidupannya menginginkan ketenangan dalam hidupnya untuk memastikan bahawa kehidupan yang dibina tersebut sempurna. Keadaan ketenangan dalam hidup ini lebih merujuk kepada bebas daripada sebarang masalah yang dihadapi atau kehidupan yang dilaluinya. Walaupun keadaan mereka yang bergelandangan, namun mereka mempunyai ketenangan kerana memperoleh sokongan sosial daripada masyarakat sekeliling.

... saya makan nasi waktu malam je... sebab selalu ada orang datang bagi nasi dekat sini... selalu tunggu je lah... (Rizal)

Hari-hari dapat makan minum... orang akan datang bagi... kadang nasi... kadang mee... tetapi selalunya nasi diorang bagi.. (Andi)

Ketenangan yang dimiliki oleh individu itu akan dipengaruhi oleh kisah atau kejadian daripada masa lampau. Kisah masa lampau yang berlaku memberi kesan yang kuat kepada kehidupan masa kini kerana walaupun sudah lama berlaku tetapi masih segar dalam ingatan individu tersebut.

...pak cik jadi macam ni sebab kena tipu dengan kawan dulu... sampai kena tangkap dengan polis... mak ayah meninggal masa pak cik dalam penjara.... pak cik tak akan melawat dia dalam penjara tu... (Pakcik Leman)

Sokongan sosial yang mereka terima tersebut mampu untuk menampung keperluan dan kehidupan yang akan dilaluinya. Sokongan yang diterima oleh mereka adalah pelbagai bentuk. Bantuan-bantuan yang disalurkan tersebut akan mempengaruhi ketenangan kehidupan yang dilaluinya kerana mereka memperoleh benda yang diinginkan. Keadaan ini dapat ditunjukkan melalui peserta berikut:

...setiap bulan kena pergi *check* doktor... rawat luka dekat kaki... bil hospital ada orang bayarkan... saya tak mampu nak bayar bil... (Makcik Fatimah)

...bil hospital tak mampu nak bayar... tapi kadang ada juga orang-orang datang bantu buat *check* kesihatan dekat sini... pak cik pergilah...' (Pakcik Adam)

Emosi

Merupakan suatu ekspresi perasaan atau naluri yang kuat. Kombinasi perasaan dan mood yang kompleks yang melibatkan reaksi psikologikal yang sukar dikesan dan ditunjukkan dengan ciri-ciri corak tingkah laku yang tertentu. Menurut Goleman dan Skevington (1990), kecerdasan emosi adalah satu trait yang diperlukan oleh seseorang untuk kelangsungan kehidupannya. Perasaan yang wujud tersebut akan mempengaruhi tindak balas luaran sama ada perubahan tubuh fizikal. Kebanyakan golongan gelandangan, emosi mereka lebih menunjukkan keadaan sedih dan bimbang.

Sedih. Perasaan ini timbul apabila seseorang itu berhadapan dengan keadaan yang mengecewakan, menggelisahkan atau wujud akibat daripada penderitaan yang lalu. Sedih membolehkan seseorang itu berasa tertekan dan murung. Kesedihan yang dihadapi adalah dikaitkan dengan kekurangan, kehilangan putus asa, tidak mampu untuk melakukan apa-apa, pilu dan marah. Salah seorang peserta meluahkan perasaan sedih disebabkan adik-beradik telah abaikan dan tidak menerima diri peserta sebagai sebahagian daripada ahli keluarga mereka. Ia dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

...adik-beradik saya semua abaikan saya... saya sedih... mereka tak terima saya dalam keluarga kerana saya tak ada duit... saya tak sekolah dulu... mereka buang saya macam sampah... satu orang kakak, abang dan adik saya tak mahu terima saya... (Makcik Fatimah)

Bimbang. Bimbang adalah suatu perasaan takut akan sesuatu perkara yang belum berlaku. Menurut Drever (1952), bimbang adalah perasaan takut yang kronik dan kompleks dan ia wujud dalam pelbagai jenis kecelaruan mental dan saraf. Peserta dalam kalangan gelandangan adalah lebih kepada keadaan rumah mereka yang

dirobohkan oleh pihak kerajaan. Ia dapat dilihat melalui kenyataan peserta di bawah.

...hari-hari hidup begini sapa selesa... semua tak selesa bagini...walaupun ada rumah macam reban... Mak Non bimbang sekarang... rumah tu atas rizab kerajaan... bila-bila kena roboh... kalau roboh tak ada dah rumah... (Mak Non)

Kebahagiaan

Kebahagiaan merupakan suatu keadaan yang merujuk kepada perasaan aman damai serta gembira. Dengan kata lain, kebahagiaan melebihi perasaan kegembiraan. Umumnya, kegembiraan amat berkait rapat dengan sesuatu kejadian atau pencapaian yang khusus, sedangkan kebahagiaan berkait rapat dengan keadaan yang lebih umum seperti kesenangan hidup. Kebahagiaan seseorang itu tidak dapat diukur atau digambarkan dan ia akan berubah-ubah mengikut peredaran masa, tempat dan keadaan. Kebahagiaan dalam kalangan gelandangan ini berbeza-beza antara satu sama lain. Terdapat individu yang berasa bahagia jikalau dia mendapat makanan, pakaian dan kediaman walaupun sederhana. Aspek kebahagiaan yang diperoleh melalui kajian, iaitu emosi, *authentic*, dan kepuasan.

Emosi Positif. Emosi positif ini adalah berkaitan dengan *broaden-and-build theory* yang menunjukkan bahawa emosi yang positif membawa kepada tingkah laku dan penerokaan yang lebih bermakna dalam jangka masa yang panjang seperti pengetahuan dan perhubungan sosial. Emosi positif adalah satu komponen penting dalam kebahagiaan atau kesejahteraan subjektif. Menurut Fredrickson (2001), menerangkan akan rasa kepuasan yang dihadapi oleh individu itu akan membolehkan mereka untuk menggambarkan pandangan mereka sendiri dan kemudiannya akan membawa kepada membina hubungan sosial yang lebih baik dan berkemahiran dalam komunikasi. Peserta dalam kalangan gelandangan ini menunjukkan emosi mereka apabila menerima bantuan dan adanya sokongan daripada orang lain kepada mereka. Ia dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

... setiap bulan kena pergi *check* doktor... rawat luka dekat kaki... bil hospital ada orang bayarkan... saya tak mampu nak bayar bil... saya sedih sebab masih ada yang nak bantu saya walaupun dalam keadaan begini... tak tau nak ucapkan macam mana dengan orang yang bantu...' (makcik Fatimah)

Mak Cik Fatimah tersebut beremosi 'sedih' sebab beliau sebenarnya berperasaan gembira kerana masih ada orang yang tampil untuk membantu beliau dengan membayar bil hospital yang tidak mampu dibayar oleh beliau kerana keadaan kehidupan yang serba kurang dan bergelandangan.

Authentic. Seligman (2002) telah merumuskan bahawa kebahagiaan boleh diwujudkan melalui tiga dimensi, iaitu kehidupan yang menyenangkan, kebahagiaan yang baik dan kehidupan yang bermakna. Kehidupan yang menyenangkan merupakan individu yang mempunyai keseronokan dan kepuasan hidup. Kehidupan yang baik mementingkan aspek kekuatan dan kebaikan dalam kehidupan. Seligman (2002) juga menyatakan bahawa individu memiliki tiga kebahagiaan antaranya ialah kesenangan dan keseronokan, kekuatan dan kebaikan serta makna dan tujuan. Ia dapat dilihat melalui kenyataan berikut:

Mak Non yang paling lama di sini... kadang dia masak untuk pak cik... duit hasil daripada jual botol semua tu... pak cik bagi Mak Non untuk beli barang-barang untuk masak apa yang patut untuk semua sekali makan bersama.... (Pakcik Leman)

Pak Cik Leman merupakan individu yang bergelandangan namun beliau sendiri membantu individu bergelandangan yang lain untuk meneruskan kelangsungan hidup (*survival*). Pak Cik Leman membantu dengan cara hasil jualan daripada barang terbuang tersebut digunakan untuk memberi makan kepada individu bergelandangan yang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh Pak Cik Leman dengan membantu kawan gelandangan yang lain telah memberikan kehidupan beliau yang seronok, mempunyai kekuatan dan kebaikan kerana dapat membantu orang yang sama-sama susah dengan beliau. Kehidupan yang penuh dengan memberi pertolongan kepada orang lain, telah memberi penuh makna dalam kehidupan beliau.

Kepuasan. Kepuasan hidup merupakan suatu aspek yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu. Aspek ini merupakan suatu perkara penting dalam usaha untuk membentuk individu yang mempunyai kekuatan dalam membina kehidupan yang berkualiti. Menurut Pavot dan Diener (1993), kepuasan hidup merupakan satu bentuk proses penilaian dari segi kognitif di mana seseorang individu mengukur kualiti kehidupannya berdasarkan kriteria-kriteria yang unik yang ditentukan oleh mereka sendiri. Penaksiran terhadap aspek kepuasan hidup juga dipercayai mempunyai perkaitan dengan pengalaman yang konkrit (Biswas-Diener, Vitterso & Diener, 2005). Selain itu, penilaian terhadap kepuasan hidup berdasarkan kepada domain-domain tertentu seperti hubungan dengan rakan-rakan, faktor kekeluargaan, persekitaran hidup dan faktor sendiri juga perlu diberi perhatian.

Mak Non yang paling lama di sini... kadang dia masak untuk pak cik... duit hasil daripada jual botol semua tu... pak cik bagi Mak Non untuk beli barang-barang untuk masak apa yang patut untuk semua sekali makan bersama.... (Pakcik Adam)

Perbincangan

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka sumber kesejahteraan dalam kalangan gelandangan. Berdasarkan kepada hasil kajian, didapati bahawa faktor yang menyebabkan individu-individu itu bergelandangan, cabaran dan sokongan sosial yang dihadapi oleh golongan gelandangan ini mempunyai kaitan dengan kesejahteraan mereka dari segi kualiti hidup, emosi dan kebahagiaan mereka. Daripada analisis yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006), tiga tema utama kepada sumber kesejahteraan golongan gelandangan itu ialah kualiti hidup, emosi dan kebahagiaan. Analisis yang dilakukan telah mengenal pasti tiga sub-tema tambahan yang menyumbang kepada kesejahteraan dalam kalangan golongan gelandangan seperti kualiti hidup, kebahagiaan dan emosi. Melalui bahagian inilah perbincangan berkaitan dengan rajah tematik tersebut dapat dilakukan dan membincang tiga ciri yang paling penting berkaitan dengan kesejahteraan golongan gelandangan. Pada akhir perbincangan, kajian ini menekankan kepentingan dan limitasi kajian serta cadangan kajian kepada pengkaji yang akan datang.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa golongan gelandangan ini telah menunjukkan kualiti kehidupan mereka seakan sempurna dan yang diinginkan merangkumi keselesaan dan ketenangan dalam meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Kualiti hidup merupakan satu darjah kesejahteraan yang dinikmati oleh individu atau sekumpulan manusia (Ross & Willigen, 2001). Kualiti hidup merupakan konsep yang tersusun bagi membentuk polisi dan tindakan bagi meningkatkan taraf kehidupan manusia. Keselesaan dan ketenangan selalunya dikaitkan dengan kualiti hidup di samping melihat juga kepada kesihatan fizikal, sosial, emosi dan persekitaran yang sihat dan produktif.

Dapatan dalam kalangan gelandangan telah memberi tafsiran keselesaan mereka lebih merujuk kepada keadaan rumah dan tempat tinggal yang dijadikan sebagai tempat untuk kelangsungan hidup serta kesihatan fizikal. Kediaman yang dibangunkan itu hanya digunakan untuk tujuan tertentu dan hanya bersifat sementara yang sekadar untuk menempatkan golongan gelandangan dan menjadikan tempat berteduh dan perlindungan serta rendah dalam aspek keselamatan. Rumah yang selesa merupakan aspek keperluan fizikal yang amat penting dalam kehidupan manusia (Harris & Wong, 2009) dan tahap kesihatan yang baik akan dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera kerana bebas daripada penyakit (Smith, Fisher, & Scullion, 2008).

Kepuasan terhadap perumahan merupakan salah satu komponen yang sangat penting dalam mempengaruhi kualiti dan kesejahteraan hidup (Nurizan, Tengku Aizan, & Norisma Aiza, 2001). Keadaan rumah yang tidak sempurna dan baik, ia akan kecenderungan untuk menghadapi masalah yang seperti pencemaran, kesesakan dan mampu untuk menjejaskan kesihatan (Nurizan et al., 2001).

Keselesaian hidup tidak hanya merangkumi kepada kediaman sahaja tetapi kesihatan juga mampu untuk memastikan kehidupan mereka dalam keadaan selesa (Goland, Bell, & Hamilton, 2002). Golongan gelandangan kebanyakannya menghidap penyakit kronik atau melarat sehingga mengganggu aktiviti harian mereka kerana mengalami kesukaran untuk melakukan kegiatan atau aktiviti kerana disebabkan oleh masalah kesihatan yang dialaminya.

Menurut Suzana dan Nur Asyura (2007), kesihatan adalah keadaan yang wujud daripada psikologi, rohani, fizikal, sosial, kemahiran dan sumber persekitaran mendorong kesejahteraan kehidupan yang lebih produktif dan memuaskan. Kesihatan sentiasa akan mengubah kualiti kehidupan seseorang individu. Walaupun golongan gelandangan kebanyakannya mengalami masalah kesihatan dari segi fizikal sama ada ringan atau kronik namun masih mampu untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan mencari sumber rezeki dan pendapatan untuk memastikan kehidupannya lebih sejahtera. Masalah kesihatan yang dialami tersebut bukanlah penghalang kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka (Mahmood, 2009).

Kesan peristiwa pada masa lampau merupakan keadaan yang memberi kesan kepada kualiti hidup hari ini. Pengalaman peribadi menunjukkan peranan yang penting dalam mendapatkan ketenangan dalam diri dan memberi makna dalam kualiti hidup yang dilaluinya (Pavot, 2005). Peristiwa lampau yang dihadapinya telah menunjukkan keyakinan diri untuk membina kehidupan yang lebih sempurna dan keadaan kehidupan yang dialui sekarang bebas daripada untuk memikirkan sebarang masalah dalam hidup.

Individu yang bebas daripada memikirkan dan menghadapi masalah dalam hidup telah menemukan ketenangan yang dicari kerana memperoleh kebebasan dalam hidup (Richard, 2009). Sokongan dikatakan sebagai salah satu pemboleh ubah yang penting yang boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup seseorang (Cantor & Little, 2006). Sokongan yang berpatutan dan berterusan daripada kerajaan, NGO, rakan atau orang perseorangan dapat meningkatkan lagi kesejahteraan seseorang (Antonucci & Akiyama, 2010). Hal ini berasaskan kepada kepentingan sokongan yang diberikan ini kepada aspek kesihatan, penjagaan, keperluan asas dan sebagainya secara berterusan mampu mempengaruhi kesejahteraan mereka secara langsung. Kekerapan individu yang bergelandangan menerima bantuan dan sokongan telah wujud kelegaan dan kehidupan yang lebih sejahtera kerana menerima sokongan sosial.

Seterusnya, Fredrickson (2001) telah menggambarkan bahawa sosialisasi, penerimaan, kesaksamaan, akses dan pencapaian yang akan memberi kesan baik kepada emosi seseorang. Menurut Ballard (2012), seseorang individu perlulah menunjukkan emosi dalam keadaan yang stabil dan positif dengan cara yang betul dan bukannya dalam keadaan yang marah kerana ia menunjukkan kepada sikap dan kepercayaan individu terhadap diri sendiri dan kehidupan. Individu yang memperoleh kesejahteraan dalam emosi menunjukkan bahawa individu tersebut berupaya untuk menangani dan menghadapi pelbagai tekanan hidup dengan tenang. Dapatan kajian dalam

kalangan gelandangan mereka yang bergelandangan ini mempunyai emosi yang sedih dan perasaan yang bimbang kerana disebabkan oleh penerimaan keluarga dan keadaan kehidupan yang tidak menentu.

Tekanan emosi yang berlaku pada keluarga berlaku apabila memiliki ahli keluarga bekas banduan adalah disebabkan oleh pandangan masyarakat yang sukar untuk membuat penyesuaian terhadap sesuatu keadaan. Tambahan pula, antara keadaan yang menyebabkan masalah dalam penerimaan adalah kerana masyarakat memulaukan dan menjauhkan diri. Masyarakat menganggap bahawa keluarga yang mempunyai ahlinya bekas banduan adalah lebih teruk berbanding dengan kehilangan ahli keluarga (McGoldrick, 2010). Keadaan ini menyebabkan masalah penerimaan dan tekanan yang dihadapi tersebut menyebabkan hilang hala tuju untuk meneruskan kehidupan dan pada akhirnya bergelandangan di sekitar kawasan.

Golongan gelandangan melalui dapatan kajian menghadapi emosi kebimbangan dalam dirinya. Kebimbangan merupakan satu keadaan dalam diri seseorang dan ia dapat dizahirkan dengan beberapa simptom seperti jantung berdebar-debar, berpeluh, tangan menggigil, tidak dapat tidur, kurang selesa, gelisah dan sebagainya. Kebimbangan adalah keadaan yang lumrah dialami oleh semua individu dalam hidup terutamanya dalam menghadapi situasi yang difikirkan menakutkan sehingga menimbulkan ketidakselesaan dalam fikiran dan perasaan serta dizahirkan melalui perasaan (Helmi Sobri, 2002).

Oleh sebab itu, dalam menghadapi kehidupan yang mencabar seperti yang dialami oleh golongan gelandangan kebimbangan sering timbul dan menjadi perkara yang mengatui kehidupan mereka sehinggakan sukar untuk melangsungkan kehidupan dengan sejahtera. Keadaan yang dialami itu telah menyebabkan golongan gelandangan yang memiliki rumah terus berada dalam keadaan tidak menentu. Menurut Hairunnaja (2002), mengatakan bahawa apabila seseorang individu itu mengalami masalah kebimbangan pada tahap sederhana dan keadaan itu amat berguna dan apabila berada dalam skala yang tinggi keadaan tersebut boleh menjejaskan psikologi dan kesejahteraan hidup seseorang itu.

Kebahagiaan mempunyai perkaitan dengan kualiti hidup dan mampu untuk memberi kesan kepada kesejahteraan seseorang (Argyle, Martin, & Lu, 2009). Kebahagiaan menunjukkan bahawa seseorang individu itu memiliki emosi yang positif, kepuasan dan kehidupan yang lebih bermakna (Seligman, 2002). Individu yang mencapai kebahagiaan dan kesederhanaan dalam kehidupan mereka dapat mengharungi masalah dengan strategi daya tindak yang lebih berkesan (Lyubormirsky, King, & Diener, 2001) dan bahawa individu yang gembira atau bahagia lebih senang untuk menyesuaikan diri mereka dengan situasi atau keadaan persekitaran mereka dengan lebih positif.

Melalui dapatan kajian, emosi sedih yang ditunjukkan adalah kerana memperoleh sokongan sosial daripada individu atau kumpulan yang tampil membantu dalam memudahkan keadaan. Walaupun dalam keadaan emosi sedih tetapi konteksnya adalah gembira kerana adanya membantu mereka. Individu yang memperoleh bantuan

atau sokongan mempunyai perasaan yang gembira dalam hidupnya. Hal ini, sokongan yang diberikan tersebut mampu untuk mengubah emosi mereka yang bergelandangan dan memberi kesan kepada kesejahteraan hidup golongan tersebut dan kualiti hidup mereka.

Seligman (2002) telah merumuskan bahawa kebahagiaan boleh diwujudkan melalui tiga dimensi, iaitu kehidupan yang menyenangkan, kebahagiaan yang baik dan kehidupan yang bermakna. Kehidupan yang menyenangkan merupakan individu yang mempunyai keseronokan dan kepuasan hidup. Kehidupan yang baik mementingkan aspek kekuatan dan kebaikan dalam kehidupan. Mereka yang bergelandangan ini memiliki identifikasi diri yang berbeza, permasalahan yang berbeza tetapi dalam keadaan kehidupan yang serba kekurangan perhubungan dalam kalangan gelandangan ini menunjukkan keadaan yang positif.

Hal ini dapat ditunjukkan bahawa walaupun menjalani kehidupan yang serba kekurangan tapi masih mampu dan berusaha untuk membantu orang lain yang mengalami kesusahan. Dalam konteks ini, kelompok gelandangan kebanyakan adalah mempunyai perhubungan rakan dan mengenali antara satu sama lain. Keseronokan yang ditunjukkan oleh individu gelandangan ini adalah mereka dapat membantu rakan-rakan lain yang mengalami masalah dalam kehidupan seperti makan, minuman dan kelengkapan.

Kepuasan hidup merupakan suatu aspek yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu. Aspek ini merupakan suatu perkara penting dalam usaha untuk membentuk individu yang mempunyai kekuatan dalam membina kehidupan yang berkualiti. Kepuasan dalam kehidupan yang dapat ditunjukkan adalah keadaan saling bantu membantu antara mereka dalam golongan gelandangan sendiri. Sokongan yang diberikan sendiri oleh gelandangan kepada orang lain dapat mengurangkan bebanan masalah yang dihadapinya. Keadaan ini dapat menunjukkan bahawa individu yang bergelandangan dan membantu individu lain dapat memberi kesan dalam kemahiran bersosial mereka dan menghilangkan personaliti dalaman yang negatif.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan adalah bagi melihat kesejahteraan golongan gelandangan. Aspek yang dititik beratkan dalam kajian ini adalah kualiti hidup, emosi dan kebahagiaan golongan gelandangan. Melalui faktor, cabaran dan sokongan sosial yang diperolehi memberi kesan kepada kesejahteraan mereka dalam kehidupan. Kajian ini adalah sangat signifikan dalam kalangan gelandangan bagi mengkaji kesejahteraan hidup dan kajian kesejahteraan dalam kalangan gelandangan ini masih tiada pengkaji yang memberi fokus kepada gelandangan dalam aspek psikologi mereka.

Keputusan yang diperolehi adalah melalui analisis tematik dengan memberi fokus kepada kualiti hidup, emosi dan kebahagiaan bagi mengetahui *main concern* kesejahteraan mereka. Pengkaji berharap agar, kertas kerja ini dapat memberi manfaat kepada agensi-agensi kerajaan

atau badan bukan kerajaan untuk terus menerus dalam memberikan perhatian dan bantuan serta membela nasib golongan gelandangan ini bukan sahaja di Bandaraya Kuala Lumpur tetapi di seluruh bandar-bandar di Malaysia. Kajian berkaitan gelandangan dalam aspek psikologi di Malaysia merupakan kajian yang baharu dan perlu diterokai dengan lebih mendalam. Penerokaan dalam kajian berkaitan dengan kanak-kanak jalanan, kesan pelaksanaan polisi dan undang-undang dan kerelevanan Akta Orang-orang Papa 1974 untuk golongan gelandangan.

Rujukan

- Akta Orang-Orang Papa. (1977). Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia di bawah Kuala Akta Penyemak Undang-Undang 1968. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat.
- Ann Santos Oria (2014). Discrimination and exciting homelessness among homeless group. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology*, 12, 658–672.
- Amato, W. T., & Macdonald, K. (2011). Housing problem and solutions in South Africa. *International Journal of Housing Science and Its Applications* 22(4), 255–261.
- Argyle, E., Martin, J., & Lu, C. H. (2009). Individual of self-profile: Attribution of individual in relationship. *Youth & Community Journal*, 12(2), 32–56.
- Asmawati Idris, Asmah Yazid, & Zaini Abdul Rahman. (2009). *Kualiti hidup & kesejahteraan pengurusan persekitaran di Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran 2005. Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah UKM. Halaman 3-14.
- Atonucci Yamaguchi, & Akiyama Nikihara. (2010). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional analysis of altruism and prosocial behavior: The case of volunteers. *Review of Personality and Social Psychology*, 12, 119-148.
- Azizah Abdul Rahman, Mohd Shaladdin, & Wan Abdul Aziz. (2013). Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 58–77.
- Ballard, J. G. (2012). Personal disruptions, social integration, subjective well-Being and predisposition towards uses of counseling services. *American Journal of Community Psychology*, 8(1), 87–100.
- Biswas, D., Vitterso, Y., & Diener, E. (2005). Resources, personal strivings and subjective well-being. A nomothetic and idiographic approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 68, 926–935.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Cantor, C. K., & Little, L. (2006). Self-concept difference esteem, single & married. *Journal of Human Development and Well-Being*, 12(9), 467–488.

- Dail, S. C. (2000). Geography and Housing Area: The focus of housing policy under a democracy regime. *Asia Pacific Journal of Social Work and Development* 16(2), 53–66.
- Drever, L. (1952). Subjective and occupational well-being in a sample of Mexican workers: *Social Indicator Research*, 100, 273–285.
- Fredrickson, B. L. (2001). The role of positive emotions in positive psychology. The broaden-and-build theory of positive emotions. *American Psychologist*, 56(3), 218–226.
- Forchuk, M. (2011). *Homelessness, program responses and an assessment of streets program*. Housing Research Internship and Scholar Program. Canada: Carleton University.
- Glasser, L. K. (1994). Delinquent boys: The culture of the gang. *International Journal of European*, 21(3), 459–480.
- Goland, S., Bell, D., & Hamilton, C. (2002). Well-being and quality of life: Measuring the benefit of culture and sport. *International Journal of Scientific World*, 3, 1030–1040.
- Goleman, S., & Skevington, S. M. (1990). Subjective well-being over the life conceptualization and evaluations. *Social Research*, 77(2), 749–768.
- Gosme, H. K. (2013). Homeless and domestic violence crisis: An Analysis of background family and situational factors. *International Journal of Humanity & Public Policy*, 13(2), 324–343.
- Hairunnaja (2002). *Pembandaran Kuala Lumpur : Satu analisis perkembangan fizikal bandaraya*. Persidangan Kebangsaan Geografi Dalam Pembangunan Negara, 2011). Jabatan Geografi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Harris & Wong. (2009). Prinsip Keselamatan dan Kehidupan Berprestij dalam Perumahan Komuniti Berpagar di Bandar. *Isu-isu Petempatan Bandar Di Malaysia*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Helmi Sobri. (2002). Penerimaan keluarga dan masyarakat terhadap golongan gelandangan: Kajian kes kepada keluarga miskin luar bandar. *Jurnal Sains Sosial & Kemanusiaan*, 11(2), 456–477.
- Junaidi Awang Besar, Husna Ibrahim, Helmi Sobri, & Harris Wong. (2012). *Kualiti hidup masyarakat dan tempat tinggal*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamus Dewan. (4th ed). (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Lepke, C., & Hunt, Y. T. (1997). Life Satisfaction, life concept relationship with parents in adolescence. *Journal of Youth and Adolescent*, 21(6), 635–665.
- Lyubomirsky, S., King, L., & Diener, E. (2001). The benefits of frequent positive affect : Does happiness leads to succes? *Psychological Bulletin*, 131(6), 803–855.
- Mahmood Ismail (2009). *Poverty and well-being. In the human poverty index: A Multidimensional Poverty Centre UNDP*: 22–23.
- McGoldrick, S. (2010). Gender, ethnicity and homelessness: Accounting for demographic diversity on the Streets. *American Behavioral Scientist*, 37(4), 476–504.
- Mohd Suhaimi Mohamad, Abdul Manan Manap, Iskandar Al-Habshi, Wee Yen Hong & Mahmood Yusof, (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1–9.
- Mohd Suhaimi, Tuan Khaidzir, Makmur Nasrudin, & Nik Hairi. (2016). Impak kesukarelawan dalam kalangan belia Di Kuala Lumpur: Satu Kajian. *Jurnal Kepimpinan*, 3(4), 25–43.
- Nurizan Yahaya, Tengku Aizan Hamid, & Norisma Aiza Ismail. (2001). Kualiti perumahan dan kualiti kehidupan. *Jurnal Teknologi*, 3(7).
- Nurul Mahfuzah Ahmad Yani, Nur Zakirah Zahari, Nur Fatini Haziqah Abu Samah, Muhammad Ammar Faidhi Mohamaed Azahar, Siti Munira Yasin, Mohd Shahril Ahmad Saman, & Nor Aini Mohd Noor. (2016). Factors associated with homelessness and its medical among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46–58.
- Pavot, C. (2005). Measuring quality of life: Economic, social, and subjective indicators. *Social Indicators Research*, 40, 189–216.
- Pavot, W., & Diener, E. (1993). Review of the Satisfaction with Life Scale. *Personality Assessment*, 5, 164–172.
- Richard, C. I. (2009). On subjective well being and quality of life. *Journal of Health Psychology*, 13(6), 764–775.
- Rossi, P. H. (1989). *The origins of homelessness*. Chicago: University of Chicago Press.
- Ryff, C. D., & Keyes, C. L. M. (1989). Happiness is Everything, or i it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(6), 1069–1081.
- Renwick, R. (2006). *The quality life model*. Retrieved from <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.html>.
- Ross, D., & Willigen, T. (2001). Expecting stress: American and the “Mindlife Crisis”. *Motivation and Emotion*, 24(2), 85–103.
- Schilling, J. (2006). On the pragmatics of qualitative assessment. *European Journal of Psychological Assessment*, 22, 28–37.
- Seligman, M. E. P. (2002). Positive psychology progress: Empirical validation of intervention. *American Psychologist*, 60, 410–421.
- Sharifah Mariam Alhabshi, & Alifatul Kamilah Binti Abdul Manan. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1(2), 1–9.
- Smith, C., Fisher, B., & Scullion, A. (2008). Quality of Life: An approach integrating opportunities human needs and subjective well-being. *Ecological Economics*, 61, 267–276.
- Suzana Shahar, & Nur Asyura Adnan (2007). Pesakit, keluarga dan AIDS: Stigma dan kesan psikososial. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 16, 75–88.

- World Health Organization. (2012). *The great eEscape: Health, wealth and the origin of Inequality*. A study of human being. New York.
- Yin, R. (2009). *Case study research*. Thousand Oaks, Calif.: Sage Publications.